




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **169 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,543 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Kinabalu dan satu (1) kes di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai **264** pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh **48,043** orang. Sejumlah 1,491 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 568 orang di hospital, 921 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 79 orang dan 22 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pada hari ini, **satu (1)** kluster baharu dilaporkan:

**Kluster Batu 38 Kalabakan** di Daerah Kalabakan mencatatkan 17 kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 18 kes. Kes indeks merupakan seorang kakitangan syarikat pembalakan swasta yang dikesan positif melalui saringan bergejala pada 04 Februari 2021. Saringan kontak rapat dan tempat kerja sedang giat dijalankan.

5 Daripada 169 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 103 kes (60.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 23 kes (13.6%), saringan kluster baharu dan sedia ada 29 kes (17.2%), kluster PERKESO empat (4) kes (2.4%) dan 10 kes (5.9%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 24.4%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 08 Februari 2021, sejumlah **10,686** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 50 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 30,589 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 109 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiga (3) tangkapan dibuat dan 66 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 184 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 82 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat oleh APMM.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu.

- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 129 lokasi melibatkan 19 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 398 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Kota Belud	94%
3	Tenom	94%
4	Ranau	94%
5	Beluran	94%
6	Kunak	94%
7	Kota Kinabalu	94%
8	Kinabatangan	93%
9	Beaufort	93%
10	Kota Marudu	93%
11	Keningau	93%
12	Tuaran	93%
13	Kudat	92%
14	Tawau	92%
15	Papar	92%
16	Semporna	92%
17	Lahad Datu	92%
18	Penampang	92%
19	Sandakan	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.**

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
08 Februari 2021**